Tel: 03-2177-2600

**Embassy of Japan**
No. 11, Persiaran Stonor,
Off Jalan Tun Razak,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

No.19/ 2023

8 August 2023

KENYATAAN MEDIA

**BIASISWA KERAJAAN JEPUN (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) 2024**
**YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP)**

Kedutaan Jepun dengan ini mengumumkan pembukaan bagi permohonan Biasiswa Kerajaan Jepun (Monbukagakusho: MEXT) iaitu Young Leaders' Program (YLP) 2024 yang akan dibuka sehingga **15 September 2023**. Semua warga Negara Malaysia lepasan ijazah yang ingin menyambung pengajian ke peringkat Sarjana adalah dijemput untuk memohon biasiswa ini. Dalam tempoh tersebut, elaun yang akan diberikan adalah 242,000 yen (tertakluk pada perubahan). Segala perbelanjaan yuran peperiksaan, matrikulasi dan yuran bulanan akan dikecualikan, dan juga tiket penerbangan pergi dan balik turut disediakan.

Tempoh bagi kursus ini adalah setahun (1) dari Oktober 2024 sehingga September 2025 (kecuali bagi kursus Pengurusan Perniagaan yang bermula dari September 2024 sehingga Ogos 2025). Semua kursus ini disampaikan dalam Bahasa Inggeris.

Terdapat lima (5) kursus di bawah Young Leaders' Program : -
1. **Kursus Pengurusan Perniagaan** (Sarjana Pengurusan Perniagaan) di Hitotsubashi University
2. **Kursus Perundangan** (Sarjana Perundangan) di Kyushu University
3. **Kursus Sekolah Kerajaan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam) di National Graduate Institute for Foreign Policy (GRIPS)
4. **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan** (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam) di National Graduate Institute for Foreign Policy (GRIPS)
5. **Kursus Pengurusan Kesihatan** (Sarjana Pengurusan Kesihatan) di Nagoya University

**Syarat-syarat Permohonan: -**
1. Warganegara Malaysia berkelulusan ijazah dengan kepujian.
2. Bagi **Kursus Pengurusan Perniagaan**, pemohon mestilah:-
   (a) berumur bawah 40 tahun pada 1hb September 2024;
   (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL-iBT 100/ TOEFL-PBT 600/TOEFL-CBT 250/ IELTS 7.0 atau yang setaraf) dan memperolehi keputusan GMAT/GRE; dan
   (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 2 tahun.
3. Bagi **4 kursus lain**, pemohon mestilah:-
   (a) berumur bawah 40 tahun pada 1hb Oktober 2024;
   (b) fasih bertutur dalam Bahasa Inggeris (markah minima TOEFL-iBT 80/IELTS 6.0 atau yang setaraf); dan
   (c) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun di sektor kerajaan (bagi **Kursus Kerajaan dan Kerajaan Tempatan**); sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman bekerja atau mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan undang-undang di Malaysia (bagi **Kursus Perundangan**); sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja di Kementerian Kesihatan Malaysia (bagi **Kursus Pengurusan Kesihatan**)

Permohonan boleh dibuat melalui pihak yang di sahkan oleh Kedutaan;
bagi Kursus Pengurusan Perniagaan sila hubungi, Dewan Perdagangan & Industri Kebangsaan Malaysia di nombor tel. 03-62049811 atau kathy.musa@nccim.org.my (Ms. Kathy Musa),

Tel: 03-2177-2600

Embassy of Japan
No. 11, Persiaran Stonor,
Off Jalan Tun Razak,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

bagi kursus pengurusan kesihatan, permohonan boleh dibuat melalui Kementerian Kesihatan Malaysia di nombor tel. 03- 8883 1106 atau emailkan ke sbaizura.amran@moh.gov.my (Dr. Baizura).
Permohonan bagi 3 kursus lain, bagi pegawai kerajaan, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di nombor tel. 03-8885 3053 atau emel penawaranldp@jpa.gov.my (Mr. Mohd Kamarul).
Bagi kursus Perundangan, pemohonan bagi pegawai bukan kerajaan boleh dibuat melalui Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di nombor tel. 03-61964226 atau emelkan ke ramizah@iium.edu.my (Prof. Madya Dr. Ramizah Wan Muhammad).

Untuk maklumat lanjut sila hubungi bahagian Perkhidmatan Jepun, Kedutaan Jepun di nombor tel. 03-2177 2600 sambungan 138 atau layari https://www.my.emb-japan.go.jp/itpr_en/youngleaders.html.

Kuala Lumpur
8 August 2023